



Selasa – 2 Mac 2021

Halaman : 6

Longgar syarat Orang Asli sertai Senoi Praaq

Ipoh: Polis Diraja Malaysia (PDRM) bakal melonggarkan syarat fizikal dan kelulusan pengambilan anggota khusus dalam kalangan Orang Asli untuk menganggotai Batalion Orang Asli atau Senoi Praaq Pasukan Gerakan Am (PGA).

Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Hamid Bador berkata, kelonggaran itu bertujuan untuk menambah keanggotaan formasi itu di Batalion 3 dan Batalion 18 masing-masing di Bidor dan Pengkalan Hulu di sini yang disifatkan sebagai terdesak.

“Kami agak *desperate* (terdesak) mencari calon yang layak untuk sertai kedua-dua batalion terbabit. Saya faham minat yang ditunjukkan Orang Asli untuk berkhidmat dalam PDRM cukup tinggi namun terdapat beberapa kekangan khususnya kelayakan fizikal dan kelulusan (akademik) mereka.

“Perkara ini sudah dibawa

ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan kami akan terus berunding dengan untuk melonggarkan syarat itu.

“Bagaimanapun, kelonggaran itu tidaklah bermakna kita akan memperoleh warga yang kualitinya kurang.

“Seperti yang kita tahu, Orang Asli ini *nimble* (lincah) dan *agile* (tangkas). Tidak (begitu) diperlukan seseorang yang berbadan tinggi serta sasa untuk penugasan di hutan kerana sifat *nimble* dan *agile* ini sudah memadai bagi pergerakan operasi ketika di hutan,” katanya ketika sidang media upacara penutupan Kursus Asas Konstabel Orang Asli PDRM Siri 1 2020 di Briged Utara PGA Ulu Kin-ta, semalam.

Hadir sama Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jako) Prof Dr Juli Edo, Ketua Polis Perak Datuk Major Faridalathrash Wahid dan Komandan Pusat Latihan PGA Superintendant Saifuddin Mohamed Nasir.